

Raja Perlis lancar promosi masakan Perlis di Australia

UM / 22.10.13 / 6/10/PS

KANGAR 21 Okt. - Sebuah restoran milik rakyat Malaysia di Perth, Australia mengambil inisiatif menganjurkan promosi masakan Perlis mulai malam kelmarin bagi membantu usaha memikat rakyat negara itu melawat Perlis.

Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail dan Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid melancarkan promosi yang akan berlangsung selama sebulan di restoran yang terletak di No 313 Albany Highway, Victoria Park, Perth, malam kelmarin.

Promosi itu dianjurkan Restoran Mahsuri Satay House yang yang diusahakan oleh Abdul Mutalip Sulaman yang berasal dari Negeri sembilan dengan kerjasama Yayasan Tuanku Syed Putra (YTSP) Perlis dan pejabat Tourism Malaysia Perlis.

Antara jenis masakan yang dipromosikan termasuk kailan goreng ikani masin, ikan goreng sambal dan ayam goreng berempah.

Berangkat sama ke pelancaran itu ialah Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail (tengah) bersama Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid dan Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail serta Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil pada pelancaran promosi makanan Perlis di Restoran Mahsuri Satay House di Perth, Australia, baru-baru ini.



TUANKU Syed Sirajuddin Putra Jamalullail (tengah) bersama Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid dan Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail serta Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil pada pelancaran promosi makanan Perlis di Restoran Mahsuri Satay House di Perth, Australia, baru-baru ini.

Turut hadir pada pelancaran itu ialah Konsul Jeneral Malaysia bagi Australia Barat, Australia Selatan

dan Northern Territory, Cik Hafizah Abdullah; Pengurus Kawasan Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS)

bagi Australia Barat dan Northern Territory, Cik Ivy Tan dan Pengarah Tourism Malaysia di Perth, Cik

Kamilia Hani Abdul Halim.

Menurut siaran media YTSP, promosi masakan Perlis itu diadakan sempena lawatan peribadi Raja Perlis yang diiringi oleh kerabat diraja Perlis ke Perth.

Tuanku Syed Faizuddin yang juga Pengurus YTSP Perlis berharap, keindahan alam semula jadi serta lanskap alam dengan pelbagai tarikan karektor geologinya atau "geological characteristics" membantu menggantit pelancong ke Perlis.

Sebagai contoh, Taman Negeri Perlis merupakan kawasan pemeliharaan yang unik mengandungi dominasi ekosistem batu kapur dibentuk oleh faktor geografi dan iklim yang menjadi tarikan kepada pelancong eco tourism untuk mengagumi serta merasai keindahannya.

Menurut baginda, selain itu, bukit-bukit batu kapur berusia 500 juta tahun yang membentuk Banjaran Nakawan sepanjang 38km di sempadan Thailand dan Perlis merupakan habitat kepada lebih 616 spesies flora

Titah baginda, hutan yang dikenali sebagai "semi-daun" atau "semi-deciduous" di mana sebahagian daripada hutan ini merupakan komponen pokok-pokok yang daunnya akan gugur pada musim kering. - BERNAMA